

**AMALAN MAHKAMAH SYARIAH
MENGISYTIHARKAN STATUS AGAMA
DALAM KES PERMOHONAN KELUAR ISLAM:
KAJIAN KES DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
NEGERI SEMBILAN**

*(Syariah Court's Practice on Declaring the Religious Status in
the Case of Application to Renounce Islam: A Case Study in
Negeri Sembilan Syariah High Court)*

Nor Ashikin Md. Nasir
shikins29@gmail.com.my

Siti Zubaidah Ismail
szubaida@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-undang,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abstrak

Makalah ini menganalisis amalan dan prosedur Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan menangani kes permohonan keluar Islam. Analisis doktrin undang-undang dilakukan terhadap seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003. Analisis kandungan pula dilakukan terhadap 45 sampel fail kes yang telah selesai pada tahun 2003 hingga 2014 berdasarkan tema status pemohon, alasan permohonan dan pendekatan hakim untuk membuat keputusan. Temu bual tidak berstruktur melibatkan Mufti Negeri Sembilan dan Pegawai Unit Runding Cara Akidah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan proses kaunseling. Hasil kajian mendapati seksyen 119 memandu mahkamah syariah melaksanakan bidang kuasanya untuk mengisytiharkan seseorang itu bukan lagi beragama Islam seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 61(3)(b)(x) sekiranya disokong oleh sebab dan keterangan yang munasabah, dan diterima oleh mahkamah. Dengan kata lain, pindaan seksyen ini pada tahun 2009 telah berjaya membataskan atau mengehadkan kelayakan seseorang untuk keluar Islam.

Kata kunci: keluar Islam, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan, undang-undang Islam

Abstract

This article analyses the practice of the Syariah High Court of Negeri Sembilan in the case of applications to renounce Islam. This study examines the legal provision pertaining to leave Islam, section 119 of Negeri Sembilan's Enactment of Administration of Islamic Law, 2003 and the 45 case files registered in the high court between 2003 and 2014. Analysis was carried out on selected themes such as the status of applicants, reasons for application, and the outcome of the court hearing. A semi-structured interview with the Mufti of Negeri Sembilan and the Officer in-charge of the Akidah Counselling Unit under the Mufti Department were conducted to observe the counselling processes. The study shows that section 119 of the enactment is the legal instrument that guides the syariah court in its judgment on pronouncing the status of the applicant, through section 61(3)(b)(ix) provided that the applicant has a reasonable cause to leave Islam and supported with strong evidence that is accepted by the court. In other words, with the amendment made to section 119 in 2009, there is more scrutiny and limits to renounce the religion.

Keywords: leave Islam, Syariah High Court Negeri Sembilan, Islamic law

PENDAHULUAN

Isu permohonan keluar Islam merupakan suatu isu yang sensitif kerana menyentuh isu akidah, perkauman, latar belakang pemeluk Islam dan kebebasan beragama. Apabila seseorang itu memeluk agama Islam dengan penuh keimanan, perbuatan keluar agama (murtad) amat dilarang dan boleh dihukum dengan azab yang pedih seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

“Barang siapa yang murtad antara kamu daripada agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat dan mereka itulah penghuni neraka mereka kekal di dalamnya”.

(*Surah al-Baqarah 2:217*)

Kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir Baharom beberapa tahun lalu telah mendedahkan bahawa terdapat banyak permohonan keluar agama Islam yang difailkan di mahkamah syariah. Menurutnya, mahkamah syariah di seluruh Malaysia telah menerima 686 kes permohonan menukar status agama Islam dari tahun 2000 hingga 2010.¹ Daripada jumlah tersebut, Sabah mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu 237 kes dan 67 kes permohonan dibenarkan oleh mahkamah dan disusuli oleh Negeri Sembilan sebanyak 33 kes yang diluluskan daripada 172 jumlah permohonan. Sementara itu, Wilayah Persekutuan pula telah meluluskan 10 kes daripada 56 kes, manakala Pulau Pinang telah meluluskan satu kes daripada 36 kes. Peningkatan jumlah kes yang amat membimbangkan ini mendorong kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti punca masalah ini berlaku.

Meskipun terdapat pelbagai undang-undang yang dikuatkuasakan seperti enakmen pentadbiran agama Islam dan enakmen kesalahan jenayah syariah bagi mencegah kes ini daripada berlaku, terdapat negeri yang memperuntukkannya sebagai kesalahan percubaan untuk murtad,² kesalahan menghina agama,³ kesalahan murtad untuk mengelakkan tindakan pihak berkuasa

- 1 Malaysiakini, "Jamil Khir: Permohonan Murtad 135 Orang Diluluskan", laman sesawang *Malaysiakini*", <http://www.malaysiakini.com.news/166920> (Capaian pada 15 November 2013). Lihat juga perbincangan lanjut tentang isu ini dalam Pg. Ismail Pg. Musa dan Siti Zubaidah Ismail, "Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah" dlm. *Jurnal Syariah* 23:1, hlm. 53-78, 2015. Hasil kajian mendapati jumlah kes permohonan keluar Islam di Sabah tidak menggambarkan kes murtad (iaitu orang Islam yang ingin keluar agama). Kajian ini mendapati kebanyakan permohonan bertujuan mengesahkan status agama pemohon yang terkilan akibat perkahwinan campur, atau kesalahan pihak Jabatan Pendaftaran Negara ketika membuat pendaftaran nama. Terdapat juga permohonan yang dibuat oleh orang bukan Islam bagi mendapatkan pengesahan status agama mereka.
- 2 Seksyen 66 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Melaka) 1991 dan seksyen 63 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995.
- 3 Seksyen 55 (2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995 dan seksyen 63(2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Melaka) 1991.

agama,⁴ atau melakukan perbuatan atau menyebut perkataan yang boleh membawa makna kepada murtad.⁵ Berdasarkan peruntukan ini, mana-mana orang yang telah melakukan perbuatan tersebut boleh didakwa dan dikenakan hukuman yang setimpal sekiranya disabitkan. Namun, tidak semua negeri di Malaysia mempunyai peruntukan tentang kesalahan tersebut yang membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap orang yang melakukan perbuatan jenayah tersebut.

Selain peruntukan kesalahan yang dinyatakan, mahkamah syariah juga mempunyai bidang kuasa untuk menerima permohonan untuk membuat perisytiharan atau penentuan status agama seseorang yang beragama Islam ketika hidup atau di sesetengah negeri, semasa kematiannya.⁶ Peruntukan ini memberikan ruang kepada orang Islam yang berhadapan dengan masalah tertentu untuk membuat permohonan ke mahkamah tinggi syariah untuk menentukan status agamanya. Secara praktisnya, kes tersebut termasuk permohonan yang dikemukakan oleh saudara baharu yang tidak jelas status agamanya.⁷ Berdasarkan analisis awal, jumlah kes permohonan keluar Islam yang tercatat dalam perangkaan tersebut bukannya permohonan yang dibuat oleh orang Melayu yang sememangnya beragama Islam, tetapi dibuat oleh mereka yang tidak jelas tentang agamanya yang disebabkan oleh pelbagai faktor. Namun, malangnya kebanyakan negeri di Malaysia tidak mempunyai kaedah khusus untuk mengendalikan kes seperti ini, kecuali Negeri Sembilan. Makalah ini mengkaji

-
- 4 Seksyen 7 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Ta'zir) (Negeri Terengganu) 2001, seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 dan seksyen 48 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.
 - 5 Seksyen 13 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Perak) 1992.
 - 6 Rujuk kes *Permohonan Perisytiharan Status Agama Simati Nyonya binti Tahir*, dlm. *JH XX1/11*, hlm. 221, 2006; *Perisytiharan Status Agama Moorthy bin Abdullah* dlm. *Jurnal Hukum* 21:2, hlm. 210-20, 2006.
 - 7 Siti Zubaidah Ismail dan Muhamad Zahiri Awang Mat, "Faith and Freedom: The Qur'anic Notion of Freedom of Religion the Act of Changing Religion and Thoughts on the Implications for Malaysia" dlm. *Religions* 7:7, 8 Julai 2016 (88, doi:10.3390/rel7070088).

cara Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan melaksanakan bidang kuasanya untuk memutuskan status agama seseorang dalam kes keluar agama. Negeri Sembilan dipilih sebagai tempat kajian kerana merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai tatacara yang jelas untuk membantu mahkamah tinggi syariah mengendalikan kes seperti ini. Negeri lain di Malaysia hanya menggunakan pendekatan percicaraan terus seperti kes di Pulau Pinang⁸, Johor⁹, Sabah¹⁰, Wilayah Persekutuan¹¹, dan Sarawak.¹²

SENARIO KES PERMOHONAN KELUAR ISLAM DI MALAYSIA

Lewat tahun 1990-an, kes permohonan keluar Islam seperti kes *Lim Chan Seng lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang*¹³ dan kes *Md. Hakim Lee lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*¹⁴ dan beberapa kes lagi dikemukakan di mahkamah sivil. Pada masa itu, berlaku perbezaan interpretasi di mahkamah sivil berkenaan kedudukan dan bidang kuasa untuk membicarakan kes seperti ini. Dalam proses memutuskan bidang kuasa mahkamah yang sepatutnya membicarakan kes ini, Hakim Abdul Hamid Mohamad yang merupakan hakim mahkamah tinggi dalam kes *Lim Chan Seng* menyatakan bahawa Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993 tidak menyatakan secara tersurat bidang kuasa mahkamah tinggi syariah untuk menentukan status agama seseorang yang beragama Islam. Oleh sebab itu, kuasa tersebut ditetapkan di bawah bidang kuasa mahkamah sivil.

8 *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Siti Fatimah Tan* [2009] 1 *CLJ* (Sya) 162.

9 *Tongiah Jumali lwn Kerajaan Negeri Johor* (2004) *CLJ* (Isl) 566.

10 *Roslinda Mohd. Rafi lwn Ketua Pendaftar Muallaf, Sabah* [2009] 1 *CLJ* (Sya) 485.

11 *Balbir Abdullah lwn Pendaftar Muallaf, Wilayah Persekutuan* [2009] 1 *CLJ* (Sya) 365.

12 *Azmi Mohamad Azam lwn Director of Jabatan Agama Islam Sarawak & Ors* [2016] 6 *CLJ* 562.

13 (1996) 3 *CLJ* 231.

14 (1998) 1 *MLJ* 681.

Dalam kes ini, plaintif telah memeluk Islam dan kemudiannya mengumumkan keluar Islam melalui Surat Ikatan Pol. Defendan pula berhujah bahawa hanya mahkamah syariah yang mempunyai bidang kuasa untuk menentukan kedudukan agama plaintif. Mahkamah sivil kemudiannya menegaskan bahawa bidang kuasa mahkamah syariah tidak wujud dalam hal ini dengan hanya merujuk perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan, tetapi badan perundangan negeri harus mewujudkan danewartakan peruntukan yang berkaitan dengan bidang kuasa tersebut dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 1993. Namun, Hakim Abdul Kadir Sulaiman dalam kes *Md. Hakim Lee* menggunakan pendekatan yang berbeza. Meskipun enakmen berkaitan tidak menyatakan secara tersurat bidang kuasa tersebut, namun mahkamah membuat keputusan bahawa semua hal yang berkaitan dengan prinsip agama Islam terletak di bawah bidang kuasa mahkamah syariah secara tersirat (*inherent*) meskipun tanpa peruntukan yang ekspresif.

Penegasan dalam kes *Soon Singh a/l Bikar Singh lwn Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor*¹⁵ pada tahun 1999 telah menamatkan konflik bidang kuasa yang berpanjangan ini apabila mahkamah persekutuan menegaskan bahawa kes berkaitan dengan keluar agama hendaklah didengar dan diputuskan di mahkamah syariah.¹⁶ Pengesahan daripada mahkamah syariah tentang kedudukan agama penting sebelum tindakan lain dapat diambil, termasuk untuk menggugurkan perkataan Islam daripada kad pengenalan seperti yang diputuskan dalam kes *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain*.¹⁷

Dengan peruntukan bidang kuasa yang ada pada mahkamah tinggi syariah, maka didapati di beberapa buah negeri, perbicaraan dilakukan dengan menamai majlis agama Islam negeri sebagai

15 [1999] 1 *MLJ* 489.

16 Baca ulasan lanjut tentang penyelesaian pertindihan bidang kuasa dalam Siti Zubaidah Ismail, "Pertindihan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah: Sorotan terhadap Kes Murtad" dlm. *Jurnal Undang-undang IKIM* 42, hlm. 69-98, 2000.

17 *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & 2 Yang Lain* [2007] 3 *AMR* 693.

defendan untuk melawan plaintif yang memohon keluar agama akibat kegagalan perkahwinan dan pelbagai alasan lagi. Dalam kes *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Siti Fatimah Tan binti Abdullah*,¹⁸ mahkamah rayuan syariah telah menyokong keputusan mahkamah tinggi syariah untuk mengisytiharkan seorang mualaf, Siti Fatimah Tan sebagai bukan Islam. Yang Amat Arif Hakim menyatakan bahawa pemelukan Islam responden tidak sah dari awal lagi kerana alasan responden memeluk agama Islam hanya untuk berkahwin dengan seorang lelaki Iran yang beragama Islam. Oleh itu, hakim berpendapat bahawa pemelukan Islam responden tidak sah kerana tidak memenuhi syarat yang dinyatakan dalam seksyen 107 dan 108 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004.

Di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu dalam kes *Roslinda Mohd. Rafi lwn Ketua Pendaftar Muallaf, Sabah*,¹⁹ pemohon telah memohon untuk keluar Islam kerana ingin membuang perkataan Islam pada kad pengenalan bagi membolehkannya berkahwin dengan pasangan bukan Islam. Alasan lain ialah pemohon tidak mahu dipandang rendah oleh masyarakat kerana tidak mengamalkan ajaran Islam sedangkan mempunyai nama Islam. Mahkamah tinggi syariah telah menolak permohonan ini dengan alasan mahkamah tidak diberikan bidang kuasa yang nyata untuk memberikan kebenaran kepada seseorang untuk keluar agama dan mahkamah berpendapat pemohon tidak mempunyai apa-apa bukti dari segi perbuatan dan keterangan yang menunjukkan pemohon telah murtad. Mahkamah dalam kes ini menegaskan bahawa seksyen 11 Enakmen Mahkamah Syariah Sabah 2004 berkuasa untuk menentukan status seseorang berdasarkan perbuatannya sama ada telah bercanggah dengan akidah Islam dan seterusnya mengisytiharkan seseorang itu sebagai murtad.²⁰

Selain mualaf dan orang Melayu yang asalnya beragama Islam yang memohon untuk keluar agama, kajian juga mendapati

18 [2009] 1 *CLJ* (Sya) 165.

19 *Roslinda Mohd. Rafi lwn Ketua Pendaftar Muallaf, Sabah* [2009] 1 *CLJ* (Sya) 485.

20 Seksyen 11(3)(b)(x) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya.

bahawa terdapat juga kes permohonan yang disebabkan oleh keadaan pemohon yang berada dalam dilema kerana keliru tentang status agamanya yang sebenar. Kajian Zanariah dan Zaini Yusnita telah mengenal pasti alasan yang digunakan oleh pemohon dalam permohonan penentuan status agama di mahkamah tinggi syariah. Antaranya termasuklah pemohon tiada rekod pengesahan status agama, ibu bapa memeluk agama Islam selepas pemohon dilahirkan, pemohon merupakan anak hasil perkahwinan antara pasangan yang beragama Islam dengan bukan Islam, pemeluk Islam tidak mengikut prosedur undang-undang atau tidak diketahui oleh waris, perceraian suami isteri, kekeliruan status agama dan permohonan keluar Islam.²¹ Walau bagaimanapun, kajian Pg. Ismail dan Siti Zubaidah di Sabah menunjukkan terdapat juga kes yang difailkan dengan alasan mereka bukan beragama Islam dari awal, pemohon masuk Islam beramai-ramai tanpa mengetahui erti syahadah yang diucapkan atau pemohon telah salah didaftarkan sebagai Islam oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara kerana mempunyai nama seperti orang Islam.²² Kajian mereka pada tahun 2015 mendapati bahawa kebanyakan permohonan keluar agama di mahkamah syariah bukan berpunca daripada tindakan seseorang Islam untuk murtad, tetapi kebanyakan kes yang difailkan bertujuan membetulkan status agama pada kad pengenalan akibat kesilapan teknikal yang berlaku semasa pendaftaran nama di Jabatan Pendaftaran Negara.

Penentuan dan pengisytiharan status agama oleh mahkamah tinggi syariah amat perlu dalam situasi jika seseorang itu didapati bukan Islam dan tidak pernah mengamalkan ajaran Islam, tetapi terdapat bukti yang menunjukkan beliau beragama Islam seperti terteranya perkataan Islam pada kad pengenalan miliknya, pemeluk Islam yang tidak diiktiraf atau tidak didaftarkan, serta kekeliruan tentang status agama pada hari kematian, dan sebagainya

- 21 Zanariah Dimon dan Zaini Yusnita Mat Jusoh, "Pengesahan Status Agama di Mahkamah Syariah: Satu Sorotan" dlm. *Ist International Research and Innovation Conference Proceeding (INSAN 2014)*, 2014, hlm. 63.
- 22 Pg. Ismail Pg. Musa dan Siti Zubaidah Ismail, "Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah" dlm. *Jurnal Syariah* 23:1, hlm. 53-77, 2015.

yang tidak bertentangan dengan hukum syarak. Jika keadaan tersebut berlaku, seseorang itu perlu mengemukakan permohonan ke mahkamah tinggi syariah bagi mendapatkan pengisytiharan sebagai bukan Islam atau tidak lagi digelar sebagai orang Islam. Walau bagaimanapun, penggunaan peruntukan yang terkandung dalam bidang kuasa pengisytiharan status agama dengan niat untuk murtad atau ingin meninggalkan agama Islam merupakan suatu tindakan yang menyalahgunakan mahkamah.²³ Oleh itu, permohonan pengisytiharan status agama perlu dibezakan daripada kes murtad yang ditangani secara jenayah dan diwujudkan oleh negeri kerana peruntukan undang-undang yang menangani kes murtad sebagai suatu kesalahan jenayah syariah tidak terdapat di setiap negeri di Malaysia.

LATAR BELAKANG PENDEKATAN NEGERI DI MALAYSIA UNTUK MENGURUSKAN KES PERMOHONAN KELUAR ISLAM DI MALAYSIA

Secara umumnya, terdapat pelbagai pendekatan yang diamalkan oleh negeri di Malaysia untuk menguruskan dan menyelesaikan kes permohonan keluar Islam. Terdapat tiga pendekatan yang digunakan untuk menyelesaikan kes permohonan keluar Islam, iaitu:

1. Memohon Keluar Islam sebagai Satu Kesalahan Jenayah Syariah yang Dikenali sebagai Percubaan Murtad atau Menghina Agama

Undang-undang di negeri Terengganu, Melaka,²⁴ Perak²⁵ dan Sabah memperuntukkan bahawa tindakan keluar agama merupakan suatu kesalahan jenayah syariah. Di Sabah, perbuatan ini boleh didakwa

23 Di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan dalam Perkara Permohonan Perisytiharan Keluar Islam *Rashidah bt Moideen dalam Negeri Sembilan Darul Khusus* (Kes Mal Bil. 05100-043-0065-2007).

24 Seksyen 66 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Melaka) 1991.

25 Seksyen 12 dan 13 Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992.

di bawah dua seksyen yang berbeza, iaitu seksyen 55(2) dan seksyen 63 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995. Seksyen 55(2) bagi kesalahan mendakwa sebagai bukan Islam memperuntukkan bahawa:

(2) Seseorang Islam yang mendakwa dirinya sebagai seorang bukan Islam adalah bersalah atas suatu kesalahan mengikut subseksyen (1) dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman sama seperti hukuman yang dikenakan dalam subseksyen tersebut.

Manakala, seksyen 63 bagi kesalahan percubaan untuk murtad pula menyatakan bahawa:

(1) Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa-apa jua pun, mengaku hendak keluar dari agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, mahkamah hendaklah, jika berpuas hati bahawa seseorang itu telah cuba menukarkan iktikad dan kepercayaan agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi 36 bulan untuk tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.

(2) Jika seseorang yang telah diperintahkan supaya ditahan di bawah subseksyen (1) -

(a) bertaubat dengan serta-merta, mahkamah hendaklah setelah mengesahkan taubatnya itu, membebaskan orang tersebut; atau

(b) jika orang itu pada bila-bila masa semasa dalam tahanan telah bertaubat, pegawai penjaga hendaklah melaporkan perkara itu kepada mahkamah dan mahkamah hendaklah memanggil orang itu dan setelah mengesahkan taubatnya itu, hendaklah membuat satu perintah untuk membebaskannya.

(3) Pegawai penjaga hendaklah menyerahkan satu laporan kemajuan berhubung dengan orang yang ditahan itu kepada mahkamah pada setiap minggu.

(4) Pusat Bimbingan Islam hendaklah diwartakan sebagai pusat tahanan di dalam warta.

Di negeri Terengganu, perbuatan mendakwa sebagai bukan Islam merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 7 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001 yang menetapkan bahawa:

Seseorang Islam yang mendakwa dirinya sebagai seorang bukan Islam untuk mengelakkan dirinya daripada diambil apa-apa tindakan di bawah enakmen ini atau mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan di Terengganu didapati sama dengan seksyen 12 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Perak 1992 dan seksyen 55(2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995. Di samping itu, seksyen 13 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Perak 1992 juga menjadi suatu kesalahan jika mengaku sebagai bukan Islam yang memperuntukkan bahawa:

Seseorang Islam yang dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa-apa jua pun, mengaku hendak keluar daripada agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam adalah melakukan suatu kesalahan mempersendakan agama Islam dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Di negeri Kelantan, seksyen 102 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 menjelaskan larangan dan tindakan mahkamah yang boleh dikenakan, iaitu:

(1) Tiada seorang pun yang telah diakui beragama Islam boleh mengaku dia bukan Islam melainkan setelah mahkamah memberikan pengesahan sedemikian.

- (2) Sebelum mahkamah membuat pengesahannya, seseorang itu hendaklah dianggap beragama Islam dan segala perkara yang berkaitan dengan agama Islam adalah terkena ke atasnya.
- (3) Jika seseorang Islam dengan sengaja cuba sama ada dengan perkataan atau perbuatan hendak keluar dari agama Islam, mahkamah bolehlah, jika berpuas hati, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi 36 bulan bagi tujuan pendidikan dan orang itu hendaklah diminta bertaubat mengikut hukum syarak.
- (4) Pegawai penjaga hendaklah menyerahkan laporan kemajuan kepada mahkamah pada setiap bulan.
- (5) Pusat Bimbingan Islam hendaklah diwartakan sebagai Pusat Tahanan di dalam warta.

Peruntukan ini juga pernah digunakan untuk mendakwa *Kamariah binti Ali dan Seorang Lagi lwn Kerajaan Negeri Kelantan*.²⁶ Semasa rayuan di mahkamah persekutuan, peguam berhujah bahawa seksyen ini bertentangan dengan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Namun, mahkamah menegaskan bahawa seksyen 102 tidak menafikan kebebasan beragama kerana seksyen 102 menekankan prosedur yang perlu dilalui sebelum seseorang disahkan sebagai bukan Islam. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa perayu masih beragama Islam dan terikat dengan undang-undang yang berkaitan, selagi mahkamah syariah tidak membuat sebarang perisytiharan di bawah seksyen tersebut.

Peruntukan di negeri Kelantan ini sama dengan peruntukan yang terdapat di Melaka, iaitu kesalahan percubaan murtad di bawah seksyen 66 Enakmen Kesalahan Syariah 1991 seperti yang berikut:

- (1) Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa-apa jua pun, mengaku hendak keluar dari agama Islam atau mengisytiharkan

26 [2002] 3 *MLJ*. 657.

dirinya sebagai orang yang bukan Islam, mahkamah hendaklah, jika berpuas hati bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukarkan iktikad dan kepercayaan agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.

(2) Jika seseorang yang telah diperintahkan supaya ditahan di bawah subseksyen (1) -

(a) bertaubat dengan serta-merta, mahkamah hendaklah, setelah mengesahkan taubatnya itu, membebaskan orang tersebut; atau

(b) jika orang itu pada bila-bila masa semasa dalam tahanan telah bertaubat, pegawai penjaga hendaklah melaporkan perkara itu kepada mahkamah dan mahkamah hendaklah memanggil orang itu dan setelah mengesahkan taubatnya itu, hendaklah membuat satu perintah untuk membebaskannya.

(3) Pegawai penjaga hendaklah menyerahkan satu laporan kemajuan berhubung dengan orang yang ditahan itu kepada mahkamah pada setiap minggu.

(4) Pusat Bimbingan Islam hendaklah diwartakan sebagai Pusat Tahanan di dalam warta.

2. Permohonan Keluar Agama Islam yang Dibuat Secara *Ex Parte* di Mahkamah Tinggi Syariah yang Mempunyai Bidang Kuasa Mengisytiharkan Status Agama Islam Seseorang

Terdapat 10 negeri yang menyatakan dalam enakmen pentadbiran agama Islam atau enakmen mahkamah syariahnya bahawa mahkamah tinggi syariah mempunyai bidang kuasa untuk menentukan dan

mengisytiharkan status agama seseorang yang beragama Islam ketika masih hidup atau semasa kematiannya. Sebagai contoh, seksyen 61(3)(b)(x) dan (xi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 memperuntukkan bahawa:

Mahkamah tinggi syariah hendaklah

(b) Dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu berhubung dengan:

(x) Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi sebagai orang Islam;

(xi) Pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya semasa kematiannya.

Antara negeri lain yang mempunyai peruntukan yang sama termasuklah Terengganu,²⁷ Sabah,²⁸ Perlis,²⁹ Perak,³⁰ Pulau Pinang,³¹ Negeri Sembilan,³² Melaka,³³ Kedah³⁴ dan Johor.³⁵ Peruntukan ini bermakna mana-mana orang Islam yang bermasalah dengan status agama mereka boleh membuat permohonan untuk menentukan status agama secara *ex-parte* di mahkamah tinggi syariah. Walau bagaimanapun, kesemua negeri ini tidak mempunyai prosedur yang jelas di bawah mana-mana peruntukan dan menyerahkannya kepada budi bicara mahkamah.

Di Melaka, dalam kes *Suresh Veerappan lwn Penguasa, Pusat*

27 Seksyen 11 Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001.

28 Seksyen 11 Enakmen Mahkamah Syariah Sabah 2004.

29 Seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006.

30 Seksyen 50 Seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2002.

31 Seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004.

32 Seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003.

33 Seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

34 Seksyen 13 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008.

35 Seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.

*Pemurnian Akidah Baitul Iman dan Satu Lagi*³⁶ seorang wanita yang bernama Siti Fatimah Abdul Karim yang juga dikenali sebagai Revathy, berketurunan India dan berasal daripada sebuah keluarga mualaf. Ibu dan bapanya beragama Islam, tetapi beliau dibesarkan oleh neneknya yang beragama Hindu dan diberikan nama Revathy a/p Masoosai. Beliau mengahwini V Suresh pada tahun 2004 dan mereka mempunyai seorang anak perempuan. Siti Fatimah telah membuat permohonan di mahkamah tinggi syariah untuk keluar Islam. Namun, mahkamah syariah telah mengeluarkan perintah agar beliau ditahan dan menjalani pemulihan akidah di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman di Selangor selama enam bulan.

3. Permohonan Keluar Islam yang Dibuat Secara *Ex Parte* di Mahkamah Tinggi Syariah dan Permohonan Berkenaan Ditangguhkan dan Dirujuk kepada Sebuah Jawatankuasa Khas bagi Mengendalikan Proses Taubat

Pendekatan ini dilakukan oleh dua buah negeri, iaitu Selangor dan Negeri Sembilan. Di Selangor, urusan ini dilakukan oleh Bahagian Ar-Riqab di bawah Majlis Agama Islam Selangor. Di Negeri Sembilan pula, negeri mewartakan peraturan yang jelas berdasarkan bidang kuasa mahkamah tinggi syariah untuk menentukan status agama seseorang berdasarkan peruntukan bidang kuasa di bawah seksyen 61(3)(b)(ix) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003 (EPAINS 2003). Peraturan keluar agama ini diperincikan di bawah seksyen 119 EPAINS 2003 bagi membolehkan mahkamah tinggi syariah membuat keputusan terhadap permohonan tersebut. Seksyen 119 EPAINS 2003 ini diberikan tajuk “Keluar Agama” dan telah memperuntukkan seperti yang berikut:

- (1) Seseorang Islam tidak boleh keluar daripada Agama Islam atau disifatkan telah meninggalkan agama Islam sebagai agamanya melainkan jika dan sehingga dia telah memperoleh

36 [2008] 8 CLJ 597.

suatu perisytiharan bagi maksud itu daripada mahkamah tinggi syariah.

(2) Suatu permohonan bagi perisytiharan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara *ex parte* kepada hakim mahkamah tinggi syariah dalam mahkamah terbuka oleh orang yang berhasrat untuk meninggalkan agama Islam sebagai agamanya.

(3) Suatu permohonan di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan alasan yang berdasarkan pemohon berhasrat untuk meninggalkan agama Islam sebagai agamanya dan hendaklah disokong oleh suatu affidavit yang menyatakan semua fakta yang menyokong alasan permohonan itu.

(4) Setelah diterima permohonan di bawah subseksyen (2), hakim mahkamah tinggi syariah yang mendengar permohonan tersebut hendaklah -

- (a) menasihati orang itu supaya bertaubat, dan jika hakim berpuas hati orang itu telah bertaubat mengikut hukum syarak, hendak merekodkan taubat orang itu; atau
- (b) jika orang itu enggan bertaubat, sebelum membuat apa-apa perintah terhadap orang itu, menangguhkan pendengaran permohonan itu untuk tempoh 90 hari dan pada masa yang sama menghendaki pemohon untuk menjalani sesi runding cara dan bimbingan bagi maksud menasihati pemohon untuk menimbang semula agama Islam sebagai agamanya.

(5) Jika pada bila-bila masa orang yang dikehendaki menjalani sesi runding cara dan bimbingan itu telah bertaubat, pegawai yang bertanggungjawab terhadapnya hendaklah menyediakan suatu laporan dengan secepat mungkin dan membawa orang itu ke hadapan mahkamah tinggi syariah.

(6) Jika hakim berpuas hati bahawa orang yang dikemukakan di

hadapannya mengikut subseksyen (5) telah bertaubat mengikut hukum syarak, hakim itu hendaklah merekodkan taubat orang itu.

(7) Jika setelah habis tempoh 90 hari yang disebut dalam perenggan (4)(b), orang itu masih enggan bertaubat, maka pegawai yang bertanggungjawab terhadapnya hendaklah menyediakan satu laporan dengan secepat mungkin dan membawa orang itu ke hadapan mahkamah tinggi syariah.

(8) Jika setelah diterima laporan yang disebut dalam subseksyen (7) mahkamah berpendapat bahawa harapan masih ada untuk orang itu bertaubat, maka mahkamah boleh menengguhkan pendengaran permohonan orang itu di bawah subseksyen (2) dan pada masa yang sama memerintahkan orang itu supaya menjalani sesi runding cara dan bimbingan yang selanjutnya selama tempoh yang tidak melebihi satu tahun.

(9) Jika selepas perintah di bawah subseksyen (8) dibuat, orang itu bertaubat, maka subseksyen (5) dan (6) terpakai.

(10) Jika setelah habis tempoh yang diperintahkan di bawah subseksyen (8) dan orang itu masih enggan bertaubat, pegawai yang bertanggungjawab terhadapnya hendaklah menyediakan satu laporan dan membawa orang itu ke hadapan mahkamah tinggi syariah dan mahkamah boleh membuat keputusan untuk mengisytiharkan bahawa orang itu meninggalkan agama Islam sebagai agamanya.

(11) Sebelum mahkamah mengisytiharkan bahawa orang itu telah meninggalkan agama Islam sebagai agamanya, mahkamah hendaklah membuat perintah tentang perkara yang berikut:

- (a) pembubaran perkahwinan;
- (b) pembahagian harta sepencarian;
- (c) hak perwalian;
- (d) hak pusaka; dan
- (e) hadhanah.

Mana-mana orang Islam yang ingin keluar agama boleh membuat permohonan sedemikian di mahkamah tinggi syariah, dan permohonan tersebut akan ditangguhkan dan dirujuk kepada suatu jawatankuasa khas bagi mengendalikan proses taubat. Jawatankuasa khas tersebut melibatkan Jabatan Mufti Negeri Sembilan melalui Unit Runding Cara Akidah yang akan menguruskan proses runding cara dan taubat si pemohon. Di negeri Selangor pula, pemohon akan bertindak sebagai plaintif dalam sesuatu tuntutan untuk keluar Islam, dan menamakan Majlis Agama Islam Selangor sebagai defendan. Mahkamah syariah di negeri Selangor telah mengikuti prosedur yang dijalankan di Negeri Sembilan, iaitu menangguhkan kes dan merujuk kes tersebut kepada Jabatan Mufti Selangor bagi tujuan *istitabah*.³⁷ Hal ini bermakna, undang-undang di kedua-dua negeri ini menggunakan pendekatan untuk tidak membuka pintu yang luas bagi permohonan keluar Islam, sebaliknya menangguhkan dahulu perbicaraan permohonan dan memerintahkan intervensi dilakukan bagi memulihkan akidah sebelum mahkamah membuat keputusan tentang kedudukan agama pemohon.

PROSES PERMOHONAN KELUAR AGAMA DI NEGERI SEMBILAN

Berdasarkan peruntukan seksyen 119 EPAINS 2003, mana-mana orang Islam yang ingin keluar agama boleh membuat permohonan sedemikian di mahkamah tinggi syariah dan permohonan tersebut akan ditangguhkan dan dirujuk kepada satu jawatankuasa khas bagi mengendalikan proses *istitabah*. *Istitabah* ialah suatu proses yang perlu dilalui oleh pemohon, iaitu sesi khidmat nasihat akidah dan runding cara bagi memujuk pemohon kekal dalam agama Islam. Jawatankuasa khas tersebut melibatkan Jabatan Mufti Negeri Sembilan melalui Unit Runding Cara Akidah yang akan menguruskan proses runding cara dan taubat si pemohon. Proses yang perlu dilakukan agak panjang dan huraianya adalah seperti yang berikut:

37 Rujuk maklumat lanjut di <http://www.mais.gov.my>.

- (i) Permohonan sebelah pihak (*ex parte*) dibuat oleh seseorang yang berhasrat untuk keluar agama. Permohonan hendaklah dialamatkan kepada hakim mahkamah tinggi. Permohonan perlu dilengkapkan dengan menyebut alasan dan disokong oleh affidavit yang jelas. Tiada sebarang intervensi dilakukan semasa permohonan dikemukakan ke mahkamah tinggi.
- (ii) Selepas permohonan diterima, mahkamah tinggi syariah akan menetapkan hari sebutan kes dalam tempoh 21 hari selepas kes didaftarkan.³⁸ Pada hari perbicaraan yang dilakukan di mahkamah terbuka, hakim mahkamah tinggi syariah berkewajipan untuk menanyakan alasan permohonan dibuat dan menasihati pemohon agar bertaubat dan kembali kepada Islam. Jika pemohon menerima nasihat dan memutuskan untuk bertaubat, taubat pemohon akan direkodkan.
- (iii) Jika pemohon enggan bertaubat dan tetap ingin meneruskan permohonannya, kes tersebut akan ditangguhkan dan dirujuk kepada jabatan mufti untuk diberikan nasihat agar bertaubat (*istitabah*) dalam tempoh tidak melebihi 90 hari. Apabila dikemukakan soalan tentang hal ini, Sahibus Samahah Mufti Negeri Sembilan menerangkan bahawa objektif utama runding cara akidah dijalankan selepas sesuatu kes permohonan keluar agama dirujuk kepada jabatan mufti adalah untuk mengembalikan si pemohon kepada agama Islam.³⁹ Oleh sebab itu, sesuatu kes itu mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan. Unit Runding Cara Akidah di Jabatan Mufti Negeri Sembilan dipertanggungjawabkan untuk membimbing, menasihati dan seboleh-bolehnya mengekalkan pemohon dalam agama Islam.

Walau bagaimanapun, mahkamah syariah tidak mengklasifikasikan jenis kes yang perlu dirujuk kepada jabatan

38 Rujuk piagam pelanggan dalam laman sesawang Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, <http://jksns.ns.gov.my/index.php/component/content/article?id=131>

39 Temu bual bersama-sama Sahibus Samahah Mufti Negeri Sembilan, Dato³ Hj. Mohd. Yusof Hj. Ahmad dan Pegawai Unit Runding Cara Akidah, Jabatan Mufti Negeri Sembilan pada 13 Januari 2016.

mufti. Menurut Mohd. al-Adib dan Muzammil,⁴⁰ proses ini mewajibkan semua pemohon mengikuti sesi taubat tanpa mengambil kira latar belakang pemohon. Oleh itu, terdapat cadangan agar pemohon diklasifikasikan untuk tujuan *istitabah* bagi mengelakkan dakwaan yang menyatakan bahawa tujuan kaunseling adalah untuk mengekalkan pemohon dalam Islam walaupun pemohon tidak pernah mengetahui dan mengamalkan Islam.⁴¹

- (iv) Sekiranya dalam tempoh 90 hari pemohon telah bertaubat dan kembali kepada Islam, laporan sedemikian perlu dikemukakan di mahkamah untuk dimuktamadkan. Kes tersebut ditamatkan atau dengan perkataan lain, permohonan ditolak. Jika sebaliknya, mahkamah boleh mengarahkan *istitabah* peringkat kedua, iaitu sehingga tempoh satu tahun

40 Mohd. al-Adib Samuri dan Muzammil Quraishi, "Negotiating Apostasy: Applying to 'Leave Islam' in Malaysia" dlm. *Islam and Christian-Muslim Relations* 25:4, hlm. 507–23, 2014 (doi:10.1080/09596410.2014.907054).

41 Wan Mohd. Fazrul Azdi, Kamaluddin Nurdin Marjuni, Mohd. Rumaizuddin Musa, Azman Abd. Rahman, Ahmad Najaa' Mokhtar, Mohd. Zaliridzal Zakaria, dan Mohammad Fadzil Mat Yaacob. "Istitabah Model for Malaysia: A Preliminary Exposition" dlm. *'Ulum Islamiyyah Journal* 15, hlm. 118, Jun 2015. Dalam kajian ini mereka telah mencadangkan satu bentuk model *istitabah* dalam konteks Malaysia sebagai negara yang mempunyai pelbagai kaum dan agama. Model ini telah mengklasifikasikan pemohon keluar Islam kepada beberapa kategori. Model ini juga menggunakan pendekatan membuat saringan terlebih dahulu kepada pemohon yang ingin keluar Islam sama ada pemohon mempunyai masalah akidah, atau masalah kesihatan mental atau terdapat gangguan spiritual terhadap pemohon. Sekiranya pemohon didapati mengalami gangguan spiritual, maka pemohon akan dirawat dan tidak akan melalui proses pembelajaran akidah. Sekiranya pemohon mempunyai masalah akidah, pemohon akan disaring sama ada akan didekati dengan pendekatan intraagama (*intra-religion*) atau antara agama (*inter-religion*). Melalui pendekatan antara agama, pemohon akan dibimbing untuk lebih memahami agama Islam dalam aspek akidah, syariah dan akhlak tanpa perlu membuat perbandingan agama seperti dalam pendekatan antara agama. Penulis berpendapat pendekatan ini cuba untuk mengkategorikan masalah pemohon bagi menyelesaikan masalah akidah secara efektif tanpa membuang masa dan tenaga. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyatakan golongan yang tidak perlu melalui proses kaunseling.

lagi untuk pemohon bertaubat dan kembali kepada agama Islam. *Istitabah* peringkat kedua ini mengambil masa yang agak panjang dan agak sukar dari segi pelaksanaannya.

Selepas menjalani sesi kaunseling dan *istitabah* peringkat kedua, sekiranya pemohon bertaubat, hakim akan merekodkan taubat pemohon dan menamatkan kes. Jika sebaliknya, hakim akan membuat keputusan mengisytiharkan sama ada pemohon kekal beragama Islam atau pemohon bukan lagi beragama Islam. Mahkamah telah memberikan masa yang secukupnya kepada Unit Runding Cara Akidah di bawah Jabatan Mufti Negeri Sembilan untuk melakukan proses yang diperlukan. Keputusan yang dibuat perlu berlandaskan laporan kemajuan dan kehendak pemohon sepanjang sesi runding cara akidah dijalankan.

- (v) Sekiranya mahkamah mengisytiharkan pemohon bukan lagi beragama Islam, mahkamah akan mengeluarkan perintah berkenaan pembubaran perkahwinan, pembahagian harta sepencarian, hak pusaka, hak perwalian dan hadhanah.

PASCA-2009: SEKSYEN 119 ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SEMBILAN) PINDAAN 2009

Pelbagai bentuk permohonan telah diterima di Negeri Sembilan sejak seksyen 119 berkuat kuasa pada tahun 2003. Seksyen 119 adalah tentang peruntukan undang-undang yang menyediakan kaedah mengendalikan permohonan untuk keluar Islam yang bersifat umum. Oleh itu, Mahkamah Syariah Negeri Sembilan telah menerima permohonan untuk keluar Islam dari negeri lain dan keadaan ini merupakan sesuatu yang di luar jangkaan. Seksyen 119 ini juga secara umumnya menyatakan bahawa kewajipan hakim untuk merujuk kes permohonan keluar Islam di Jabatan Mufti Negeri Sembilan, namun tidak menyatakan cara Jabatan Mufti Negeri Sembilan menguruskan kes ini. Menyedari kelonggaran yang terdapat dalam seksyen ini, pindaan telah dilakukan pada tahun 2009 dan ditambah subseksyen baharu, iaitu seksyen 119 (2A) (i)

dan (2A) (ii), (4A) dan (8A).⁴² Pindaan seksyen 119 yang dibuat adalah seperti yang berikut:⁴³

(2A) Suatu permohonan bagi pengisytiharan di bawah subseksyen (2) boleh dibuat jika –

- (i) pemohon dilahirkan sebagai seorang Islam, dia hendaklah dilahirkan dan domisil di dalam Negeri Sembilan; atau
- (ii) pemohon seorang mualaf, dia hendaklah memeluk agama Islam di dalam Negeri Sembilan, telah berdaftar mengikut peruntukan seksyen 111 dan domisil di dalam Negeri Sembilan”;

(4A) Majlis hendaklah melantik seorang pegawai perunding cara aqidah yang bertanggungjawab menjalankan sesi runding cara dan bimbingan seperti yang dinyatakan di bawah perenggan (4) (b);

(8A) Mahkamah pada bila-bila masa boleh membatalkan mana-mana permohonan pengisytiharan di bawah subseksyen (2) sekiranya pemohon gagal atau enggan menghadiri sesi runding cara dan bimbingan setelah diperintahkan oleh mahkamah di bawah perenggan (4)(b) atau subseksyen (8).

Pindaan ini telah menggariskan berkaitan dengan sesiapa yang boleh dan layak memohon, proses yang perlu diikuti, pihak berwajib yang terlibat dan tahap kuasa mereka untuk mempengaruhi keputusan mahkamah. Penambahan subseksyen baharu 2A kepada seksyen 119 ini bermakna Mahkamah Tinggi Syariah Seremban hanya menerima permohonan untuk keluar agama daripada pemohon yang dilahirkan dan telah bermukim di Negeri Sembilan sahaja. Bagi saudara baharu pula, mereka mestilah dalam kalangan mereka yang telah memeluk agama Islam dan tinggal di Negeri Sembilan. Sekiranya syarat ini tidak ditepati, maka permohonan

42 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan (Pindaan) 2009.

43 Sila lihat di http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Amendment.nsf/afd097200733d795482572f800123d12/2969f490cb0abfcd4825778200090540?OpenDocument.

akan terus ditolak tanpa melihat inti pati kes tersebut. Seksyen ini juga telah menyatakan bahawa sesuatu permohonan akan ditolak sekiranya pemohon gagal mengikuti dan menghadiri sesi runding cara yang dikendalikan oleh jabatan mufti.

Hakim mahkamah tinggi syariah telah menyifatkan pindaan seksyen ini adalah untuk menyekat jumlah permohonan yang banyak dari luar Negeri Sembilan yang difailkan di mahkamah tinggi syariah.⁴⁴ Menurut Yang Arif Abdul Razak Mat Nayan, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan, walaupun enakmen sesebuah negeri memperuntukkan bidang kuasanya untuk negeri tersebut sahaja, namun, dalam kes permohonan keluar agama, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan telah menerima banyak permohonan daripada mereka yang bukan dari Negeri Sembilan kerana menganggap hanya Negeri Sembilan sahaja menyediakan kaedah yang sah dan jelas dari segi undang-undang untuk keluar Islam. Keadaan ini juga bermaksud wujud keperluan bagi negeri-negeri lain untuk menyediakan tatacara untuk menyelesaikan isu permohonan keluar agama.

Subseksyen (4A) menjelaskan bahawa mahkamah hendaklah melantik pegawai perunding cara akidah yang akan bertanggungjawab memberikan bimbingan tentang agama Islam kepada pemohon selepas mahkamah menanguhkan permohonan selama tempoh 90 hari selepas mendengar permohonan keluar Islam seseorang. Tujuan pelantikan pegawai tersebut adalah untuk menasihati pemohon untuk kembali dan kekal dalam agama Islam. Dalam hal melaksanakan kehendak undang-undang ini, mahkamah syariah di Negeri Sembilan telah menetapkan bahawa sesi runding cara akidah akan dilaksanakan di Jabatan Mufti di bawah Unit Runding Cara Akidah. Unit ini ditubuhkan untuk menjalankan proses *istitabah* kepada semua pemohon dalam kes permohonan keluar Islam. Pendekatan *istitabah* yang dijalankan di unit ini adalah berbentuk rundingan dan khidmat nasihat akidah

44 Temu bual bersama Yang Arif Abdul Razak Mat Nayan, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan pada 17 Jun 2016 bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, Sendayan Negeri Sembilan.

kepada pemohon untuk kembali menerima Islam sebagai agama dalam hidup.⁴⁵ Sepanjang pemerhatian di Jabatan Mufti Negeri Sembilan, terdapat sesi runding cara akidah yang dilaksanakan oleh saudara baharu yang giat berdakwah dan yang sebangsa dengan pemohon. Mereka membantu Unit Runding Cara Akidah untuk memberikan pengetahuan dan ilmu perbandingan agama kepada pemohon yang sebangsa dengan mereka. Penyampaian ilmu agama Islam dan perbandingan agama oleh orang yang pernah menganut agama lain sebelum memeluk Islam adalah lebih berkesan kerana penyampaiannya merangkumi pengetahuan tentang agama lain sebelum memeluk Islam. Pendedahan yang berkaitan dengan perbandingan agama ini akan membuka minda pemohon untuk mengetahui kelebihan dan kebenaran agama Islam. Walaupun Unit Runding Cara Akidah Jabatan Mufti dipertanggungjawabkan untuk melakukan khidmat nasihat akidah, dan seterusnya menghantar laporan kepada mahkamah syariah, namun, keputusan sama ada permohonan keluar agama dibenarkan atau tidak bergantung pada mahkamah syariah. Setelah tujuan undang-undang tersebut difahami, penelitian dibuat bagi mengetahui sejauh manakah pihak berkuasa di negeri adat perpatih ini menguruskan kes permohonan keluar agama.

PERMOHONAN KELUAR ISLAM: KAJIAN KES DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SEMBILAN

Metodologi Kajian

Bagi melaksanakan kajian ini, penelitian terhadap 45 fail kes yang difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan dari tahun 2003 sehingga 2014 dilakukan. Unit Rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Negeri Sembilan (JKSNS) telah memberikan kebenaran untuk menganalisis 45 fail kes permohonan keluar agama di Mahkamah Tinggi

45 Ustaz Dr. Yusri bin Mazlan, Pegawai Unit Runding Cara Akidah, Jabatan Mufti Negeri Sembilan ditemu bual pada 13 Januari 2016 bertempat di Pejabat Mufti Negeri Sembilan.

Syariah Negeri Sembilan yang telah selesai dibicarakan dan diputuskan. Maklumat dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Data yang diperoleh dikategorikan mengikut tema tertentu. Analisis dibuat berdasarkan status pemohon, alasan untuk keluar agama dan sesuatu penghakiman mahkamah terhadap kes tersebut. Perbandingan antara sesuatu penghakiman dengan penghakiman yang lain dibuat apabila perlu. Bagi menjaga kerahsiaan pemohon, kesemua nama kes yang dirujuk menggunakan nama samaran.

Dapatan Kajian

Bahagian ini menjelaskan pemakaian peruntukan seksyen 119 EPAINS 2003 dalam kes yang telah selesai diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

Status Pemohon

Daripada 45 fail kes yang dikaji, pemohon yang membuat permohonan keluar Islam terdiri daripada mereka yang asalnya beragama Islam, golongan mualaf dan golongan yang dibesarkan oleh penjaga bukan Islam akibat masalah kekeluargaan. Terdapat juga permohonan yang ingin membuang nama Islam yang terdapat pada kad pengenalan kerana pemohon bukan beragama Islam. Seseorang yang beragama Islam ialah seseorang yang menganut agama Islam, atau seseorang yang salah seorang atau kedua-dua ibu bapanya pada masa kelahiran merupakan orang Islam.⁴⁶ Seseorang itu juga dikatakan menganut agama Islam apabila dibesarkan atas dasar sebagai orang Islam atau yang lazimnya dikenali sebagai orang Islam dan seseorang yang memeluk agama Islam mengikut seksyen 108 EPAINS 2003.

Seorang mualaf ialah seseorang yang telah memeluk agama Islam dan pemeluk Islam tersebut telah didaftarkan seperti yang dijelaskan di bawah seksyen 113 EPAINS 2003. Golongan ini juga hendaklah diperlakukan sebagai orang Islam setelah pendaftaran kemasukan Islam dibuat. Jadual 1 menunjukkan klasifikasi status pemohon dalam kes permohonan keluar Islam di Negeri Sembilan.

46 Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003.

Jadual 1 Status pemohon keluar agama.

Status Agama Pemohon	Jumlah	Peratus
Asalnya Islam.	2	4.5%
Saudara baharu (mualaf).	18	40%
Ibu dan bapa atau salah seorang beragama Islam tetapi dibesarkan oleh orang bukan Islam.	24	53.3%
Bukan Islam tetapi memiliki nama Islam.	1	2.2%
Jumlah	45	100%

Jika diteliti, 24 permohonan difailkan oleh golongan yang ibu bapanya atau salah seorang daripada mereka beragama Islam, dan 23 daripada 24 kes melibatkan pemohon berketurunan India Muslim, dan hanya satu kes melibatkan bapa yang berasal daripada agama Kristian. Menurut seksyen 2 EPAINS 2003, mereka ini beragama Islam, namun, disebabkan kehancuran rumah tangga ibu bapa, mereka telah dibesarkan dan dididik dari segi agama oleh penjaga yang bukan beragama Islam, dan seterusnya membesar sebagai bukan Islam. Hal ini telah mendorong mereka untuk mengemukakan permohonan kerana mereka tidak pernah menganggap diri mereka sebagai orang Islam, tidak mengenali Islam dan tidak pernah mengamalkan cara hidup Islam. Hal ini dapat dilihat dalam kes dua beradik, iaitu *Nasha*⁴⁷ dan *Zahar*⁴⁸ yang memohon untuk keluar agama kerana memiliki nama Islam sedangkan mereka berdua dibesarkan oleh ibu saudaranya yang beragama Hindu. Tambahan pula, bapanya berketurunan India Muslim, manakala ibu mereka seorang saudara baharu. Permohonan mereka disokong oleh keterangan saksi yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengenali dan mengamalkan Islam. Begitu juga dalam satu kes yang melibatkan pemohon yang bapanya beragama Kristian dan ibunya beragama Islam,⁴⁹ ibu dan bapa pemohon telah berpisah, dan pemohon dijaga oleh bapa saudaranya yang berbangsa

47 Kes Mal No 05100-043-0173-2005 di MahkamahTinggi Syariah Negeri Sembilan.

48 Kes Mal 05100-043-0171-2005 di MahkamahTinggi Syariah Negeri Sembilan.

49 Kes Mal 05100-043-0261-2008 di MahkamahTinggi Syariah Negeri Sembilan.

Serani Kristian. Dalam kes ini, mahkamah lazimnya meluluskan permohonan dan mengisytiharkan status agama pemohon sebagai bukan Islam sejak dari kecil lagi. Mahkamah menegaskan bahawa kes seperti ini bukan suatu permohonan keluar Islam, sebaliknya adalah untuk menentukan status agama. Kes seperti ini seharusnya boleh terus diputuskan oleh mahkamah tanpa perlu menjalani proses *istitabah* kerana pada dasarnya, pemohon tidak pernah mengenali Islam.

Terdapat dua kes yang difailkan oleh pemohon yang asalnya beragama Islam seperti dalam kes *Yunus*⁵⁰. Walau bagaimanapun, pemohon membuat permohonan keluar agama dengan alasan bahawa dia tidak pernah mengamalkan Islam kerana telah bergaul dengan orang bukan Melayu sejak umurnya 13 tahun dan telah berkahwin dengan seorang wanita Cina. Pihak jabatan mufti telah menghantar surat memanggilnya untuk proses runding cara tetapi dia tidak hadir. Kes ini telah dibuang mengikut seksyen 121 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2003 kerana pemohon tidak hadir ke mahkamah tanpa sebarang maklumat selepas notis dikeluarkan. Kes *Sunisah*⁵¹ juga melibatkan pemohon yang asalnya beragama Islam yang membuat permohonan keluar agama dengan alasan bahawa teman lelaki dan keluarganya yang bukan beragama Islam yang menjaganya selama ini. Keluarga pemohon telah menentang hasratnya untuk berkahwin dengan lelaki bukan Islam dan membuatkan pemohon tidak lagi tinggal bersama-sama keluarga bukan Islam yang menjaganya selama ini. Pemohon berjaya dikaunselingkan dan telah disyahadahkan untuk kekal dalam Islam.

Daripada semua kes yang dikaji, terdapat 18 kes yang difailkan oleh golongan saudara baharu, iaitu tujuh kes telah diluluskan permohonan untuk keluar Islam, empat kes ditolak, lima kes dibuang dan dua kes berjaya dipulihkan dan kekal dalam agama Islam. Dalam kes saudara baharu, pemohon mendakwa telah memeluk Islam untuk berkahwin atau terpengaruh dengan rakan-rakan dan tidak

50 Kes Mal 05100-043-0145-2006 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

51 Kes Mal 05100-043-0145-2006 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

ada niat untuk memeluk dan mengamalkan Islam dalam kehidupan. Ada juga yang mendakwa mereka tidak faham semasa melafazkan syahadah semasa memeluk Islam. Dalam kes *Sarina Abdullah*⁵² dan kes *Justina Abdullah*,⁵³ mahkamah telah membatalkan pendaftaran memeluk Islam pemohon dan mengisytiharkan kedua-dua pemohon telah meninggalkan agama Islam sebagai agama mereka. Fakta menunjukkan bahawa mereka memeluk Islam untuk berkahwin dengan pasangan yang beragama Islam. Namun, bekas suami tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik dan telah meninggalkan pemohon. Selepas bercerai, Justina telah kembali kepada keluarga asalnya yang beragama Kristian dan tidak pernah mengamalkan Islam sepanjang tempoh Islamnya itu. Sarina pula telah menikahi lelaki Sikh selepas ditinggalkan suaminya walaupun kes belum selesai. Pemohon telah mengemukakan keterangan daripada saksi, gambar dan surat akuan berkanun sebagai bukti mereka tidak lagi beragama Islam.

Kes *Imran*⁵⁴ juga memperlihatkan permohonan untuk keluar agama oleh saudara baharu yang telah diluluskan oleh mahkamah. Pemohon telah memeluk Islam dan ingin keluar Islam kerana merasakan keputusannya memeluk Islam dibuat secara terburu-buru. Pemohon tidak pernah mengamalkan Islam dan sedang merancang untuk berkahwin dengan orang bukan Islam. Mahkamah memutuskan bahawa pemohon bukan beragama Islam setelah pemohon menjalani sesi kaunseling di jabatan mufti. Kes *Moli*⁵⁵ pula melibatkan pemohon yang memang bukan beragama Islam tetapi terdapat nama Islam pada nama ayahnya. Ibu dan bapa pemohon merupakan penganut agama Hindu. Dalam kes ini, mahkamah telah menolak permohonan kerana mahkamah berpendapat pemohon bukan Islam sejak awal lagi dan mahkamah syariah tidak mempunyai kuasa untuk mendengar kes tersebut.

52 Kes Mal 05100-043-0222-2005 di MahkamahTinggi Syariah Negeri Sembilan.

53 Kes Mal 05100-043-0101-2006 di MahkamahTinggi Syariah Negeri Sembilan.

54 Kes Mal 05100-043-05-2003 di MahkamahTinggi Syariah Negeri Sembilan.

55 Kes Mal 05100-043-12-2003 di MahkamahTinggi Syariah Negeri Sembilan.

Alasan Permohonan Keluar Islam

Jadual 2 menunjukkan antara alasan yang tertera dalam fail kes yang dikaji dan sama seperti hasil kajian Zanariah dan Zaini Yusnita.⁵⁶ Pemohon kebanyakannya tidak mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan dan mereka ini kebanyakannya merupakan anak mualaf atau tidak dijaga oleh ibu bapanya, tetapi diserahkan kepada penjaga yang bukan beragama Islam. Mahkamah mengambil pendekatan meluluskan permohonan seperti ini sekiranya pemohon membawa keterangan saksi yang mencukupi.

Jadual 2 Alasan permohonan keluar agama.

Alasan Pemohon dalam Afidavit Permohonan	Jumlah Kes
Pemohon hanya Islam pada nama dan memeluk Islam untuk membolehkannya berkahwin dengan pasangan beragama Islam. Apabila hubungan gagal, pemohon ingin kembali kepada agama asal.	8
Pemohon memeluk Islam sebab terpengaruh dengan rakan dan menganggap memeluk Islam suatu kesilapan yang besar dalam hidup dan tidak berfikiran waras semasa memeluk agama Islam.	6
Pemohon tidak pernah mengamalkan cara hidup Islam dari kecil kerana masalah keluarga, kecelaruan status agama ibu atau ayah dan dibesarkan oleh keluarga angkat.	21
Pemohon ingin membuang nama Islam pada kad pengenalan.	1
Pemohon merupakan orang Islam berdasarkan keturunannya tetapi ingin keluar agama atas sebab peribadi seperti ingin berkahwin dengan pasangan bukan Islam.	6
Pemohon tidak menyatakan sebab untuk keluar agama.	3
JUMLAH	45

56 Zanariah Dimon dan Zaini Yusnita Mat Jusoh, 2014. "Pengesahan Status Agama di Mahkamah Syariah: Satu Sorotan" dlm. *1st International Research and Innovation Conference Proceeding 2014 (INSAN)*. Kuala Lumpur, 17–18 November 2014.

Keputusan Mahkamah

Jadual 3 menunjukkan empat jenis keputusan yang dibuat oleh mahkamah selepas mendengar permohonan keluar agama dan menerima laporan runding cara akidah daripada pejabat mufti, iaitu permohonan diluluskan, ditolak, dibuang kes dan kes ditarik balik.

Jadual 3 Keputusan mahkamah dalam kes permohonan keluar agama.

Keputusan	Jumlah Kes	Peratus (%)
Permohonan yang diluluskan.	16	35.6%
Permohonan yang ditolak.	14	31.1%
Kes dibuang/batal.	10	22.2%
Kes ditarik balik.	5	11.1%
Jumlah	45	100

(i) Permohonan yang Diluluskan

Mahkamah telah meluluskan permohonan keluar agama setelah pemohon menjalani sesi runding cara akidah di bawah kendalian Unit Runding Cara Akidah, Jabatan Mufti dan telah disokong oleh saksi. Keputusan ini dibuat sekiranya pemohon didapati tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang ajaran agama Islam dan tidak pernah mengamalkannya sejak dari kecil. Dalam kes *Leha*,⁵⁷ mahkamah telah mengisytiharkan bahawa pemohon telah meninggalkan agama Islam sebagai agamanya. Pemohon berketurunan Islam, tetapi dipelihara oleh datuknya yang beragama Hindu sejak kecil dan tidak pernah mengamalkan ajaran Islam sepanjang hidupnya. Pemohon juga telah berkahwin dengan seorang lelaki Hindu.

Dalam kes *Aini*,⁵⁸ pemohon dilahirkan di Kuala Lumpur sebagai orang Islam. Pada asalnya, ibu bapa pemohon merupakan penganut agama Hindu. Pemohon tidak tahu tarikh bapanya menganut agama Islam untuk berkahwin dengan isteri keduanya yang beragama Islam. Ibu pemohon terpaksa memeluk Islam kerana sudah tiada tempat

57 Kes Mal 05100-043-0030-2004 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

58 Kes Mal 05100-043-0049-2006 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

untuk berlindung selain bapa pemohon. Selepas pemohon lahir, beliau dibesarkan oleh neneknya yang beragama Hindu. Pemohon juga tidak pernah mengamalkan Islam. Pemohon telah pun berkahwin dengan lelaki India mengikut upacara Hindu, namun tidak dapat didaftarkan kerana status Islamnya. Pemohon juga telah menjalani sesi kaunseling sebanyak 20 kali di Jabatan Mufti, tetapi gagal. Pemohon telah mengemukakan suratakuan bahawa beliau bukan beragama Islam. Mahkamah telah meluluskan permohonannya dan pemohon diisytiharkan telah meninggalkan agama Islam.

(ii) Permohonan yang Ditolak

Permohonan keluar agama akan ditolak sekiranya pemohon gagal menyokong keterangannya dengan mengemukakan saksi. Dalam kes *Rahim Ismail*,⁵⁹ mahkamah menolak permohonan keluar agama kerana pemohon tidak menyokong keterangannya dengan kehadiran saksi. Pemohon dalam kes ini dilahirkan dalam keluarga Islam berketurunan India Muslim. Pemohon mendakwa tidak tinggal bersama-sama ibu bapanya, tetapi tinggal bersama rakan-rakan yang beragama Hindu. Pemohon menyatakan dia tidak pernah mengamalkan Islam dan selalu ke kuil untuk beribadat dan mengamalkan agama Hindu. Permohonan ditolak kerana pemohon tidak mendatangkan saksi bagi menyokong keterangannya di dalam mahkamah. Dalam kes *Rasheeda*⁶⁰ pula, mahkamah menolak permohonan kerana tidak berpuas hati dengan keterangan saksi kerana mahkamah mendapati niat sebenar pemohon adalah untuk berkahwin dengan lelaki Hindu.

(iii) Kes Dibuang

Sejumlah 10 kes telah dibuang kerana gagal hadir pada hari perbicaraan. Menurut seksyen 121 Enakmen Tatacara Mal Negeri Sembilan 2003, apabila pemohon gagal menghadiri perbicaraan tanpa maklum, mahkamah boleh membuang kes tersebut.

59 Kes Mal 05100-043-15-2003 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

60 Kes Mal 05100-043-0065-2007 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

(iv) Kes Ditarik Balik

Terdapat juga beberapa kes yang ditarik balik kerana pemohon telah mengubah fikiran dan berjaya dipulihkan akidah mereka setelah menjalani sesi runding cara di Jabatan Mufti. Sebagai contoh, kes *Qamar Abdullah*,⁶¹ pemohon yang merupakan seorang saudara baharu berketurunan India tidak menyatakan sebarang alasan untuk keluar Islam dalam affidavit permohonannya. Pemohon telah menghantar surat menarik balik kes ini dan akan menerima Islam sebagai agamanya. Dalam kes *Anna Sala*,⁶² pemohon yang berketurunan India menarik balik kes kerana menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti, pemohon telah bersetuju untuk kekal dalam Islam. Begitu juga dalam kes *Salee*,⁶³ pemohon telah berjaya dipulihkan dan bersetuju untuk kekal dalam agama Islam. Keadaan yang sama dilaporkan dalam kes *Kamal Karuppan*⁶⁴ kerana pemohon telah bertaubat dan menarik balik kesnya.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Hasil kajian mendapati seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003 (dan Pindaan 2009) memudahkan urusan mahkamah tinggi syariah kerana memperuntukkan kaedah yang jelas untuk mengendalikan kes keluar agama. Isu keluar agama merupakan suatu isu yang sensitif dan boleh menimbulkan kontroversi sekiranya salah dikendalikan. Oleh itu, pendekatan yang diamalkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan merupakan suatu pendekatan berhemah apabila mahkamah dibantu oleh Jabatan Mufti untuk meneliti soal hukum dan kedudukan akidah seseorang yang bercelaru sebelum keputusan dibuat oleh hakim mahkamah syariah. Bagi pemohon yang bukan Islam sejak kecil seperti yang ditunjukkan oleh beberapa kes, mungkin hakim boleh menggunakan budi bicaranya untuk memutuskan terus semasa

61 Kes Mal 05100-043-11-2003 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

62 Kes Mal 05100-043-0070-2004 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

63 Kes Mal 05100-0433-0082-2004 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

64 Kes Mal 05100-043-0226-2005 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

perbicaraan awal tanpa perlu merujuk pejabat mufti supaya proses permohonan dipercepat.

Pindaan EPAINS pada 2009 telah memantapkan lagi peraturan permohonan apabila menghadkan kelayakan permohonan kepada orang yang berasal dan bermastautin di Negeri Sembilan dan golongan saudara baharu yang memeluk Islam menerusi undang-undang di Negeri Sembilan sahaja. Pindaan ini dapat mengurangkan beban yang perlu dipikul oleh Unit Runding Cara Akidah dan juga Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan apabila skop permohonan keluar agama dikecilkan untuk warga Negeri Sembilan sahaja. Selain itu, hanya permohonan yang mempunyai alasan dan disokong dengan keterangan saksi yang mencukupi sahaja diterima oleh mahkamah. Begitu juga dengan permohonan yang benar-benar memerlukan pembetulan dibuat pada status agama yang tertera pada kad pengenalan bagi memudahkan urusan untuk menjalani kehidupan seharian. Dalam kes yang melibatkan saudara baharu, mahkamah akan meneliti keterangan yang dikemukakan kerana terdapat kes pemeluk Islam yang tidak sah dan pemohon bukan beragama Islam sejak dari kecil lagi. Keputusan ini memberikan implikasi kerana dibimbangi wujud anggapan sesetengah pihak bahawa proses pemeluk Islam juga boleh dipertikaikan di mahkamah, selain dikhuatiri dijadikan alasan untuk keluar agama.

Runding cara akidah yang perlu dilalui oleh pemohon seperti yang digariskan dibawah seksyen 119 EPAINS 2003 dikendalikan oleh Unit Runding Cara Akidah di bawah Jabatan Mufti. Fokusnya adalah untuk memberikan nasihat dan kaunseling kepada pemohon supaya mereka kekal dalam Islam. Kebanyakan pemohon akur dengan proses ini dan berdasarkan rekod dalam fail kes, kebanyakan pemohon menghadiri antara 10 hingga 21 sesi runding cara. Namun, dalam kalangan mereka ada yang tetap dengan pendirian untuk meneruskan hasrat keluar Islam. Meskipun proses ini berjaya memulihkan akidah sebahagian daripada pemohon, tetapi jumlah yang berjaya dipulihkan hanya sedikit berbanding dengan yang tetap ingin keluar Islam. Walaupun mahkamah terus menolak mana-mana permohonan sekiranya pemohon didapati gagal mengikuti proses kaunseling dan khidmat nasihat di bawah Unit Runding Cara

Akidah, Jabatan Mufti, namun prosedur ini bukanlah bermaksud mahkamah akan mengikut keputusan yang dibuat oleh Jabatan Mufti untuk memutuskan sama ada seseorang itu bukan lagi beragama Islam.

Berdasarkan kajian, didapati kebanyakan pemohon yang keluar agama adalah disebabkan oleh “mangsa keadaan”. Mereka menjadi mangsa keadaan yang membuatkan akidah mereka terumbang-ambing sejak dari kecil lagi. Terdapat ibu bapa yang cuai untuk memberikan perhatian serius terhadap nasib agama anak-anak yang lazimnya berlaku kepada ibu bapa yang gagal dalam perkahwinan dan gagal menjadi Muslim yang patuh pada ajaran Islam. Hanya selepas mereka menginjak dewasa dan berumur lebih 18 tahun, barulah isu ini ditimbulkan. Namun, pada waktu itu, keadaan sudah terlalu lewat untuk memulihkan akidah mereka.

Setelah meneliti alasan yang diberikan dalam afidavit, dirumuskan bahawa golongan yang keluar Islam tidak langsung mengenali agama Islam, apatah lagi untuk mengamalkan cara hidup Islam. Hanya dua kes sahaja yang difailkan daripada pemohon yang asalnya beragama Islam tetapi satu kes dibuang kerana tidak hadir ke mahkamah,⁶⁵ manakala satu lagi kes ditarik balik berikutan pemohon bersetuju untuk kekal dalam agama Islam.⁶⁶ Mahkamah syariah juga menolak permohonan keluar agama daripada seseorang yang bukan Islam, tetapi memiliki nama seperti orang Islam. Keadaan ini dapat dilihat dalam kes *Moli*.⁶⁷

Mahkamah telah menolak kes ini dengan alasan mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa terhadap orang bukan Islam. Dalam kes ini, pemohon merupakan seorang yang berketurunan India dan beragama Hindu. Pemohon membuat permohonan untuk membuang nama Islam pada nama ayahnya yang mengganggu urusan peribadi pemohon. Pemohon dan keluarganya beragama Hindu dan memang tidak pernah mengetahui dan mengamalkan Islam dalam hidup mereka. Hakim berpendapat bahawa permohonan ini

65 Kes 05100-043-0145-2006 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

66 Kes 05100-043-0145-2006 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

67 Kes Mal 05100-043-12-2003 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

tidak mempunyai asas kerana pemohon seorang yang bukan Islam pada asalnya. Dalam situasi yang melibatkan isu teknikal, kes ini seharusnya boleh diselesaikan dengan segera pada masa kes ini hendak didaftarkan di mahkamah. Pemohon mengalami kesukaran untuk membuang nama Islam pada kad pengenalannya kerana mahkamah syariah tidak dapat melakukannya dengan alasan tidak mempunyai bidang kuasa, manakala mahkamah sivil pula mungkin tidak dapat menyelesaikannya dengan alasan hal yang berkaitan dengan pengesahan status Islam hanya boleh dibuat di mahkamah syariah.

KESIMPULAN

Peruntukan undang-undang di Negeri Sembilan merupakan satu contoh kaedah yang jelas yang berupaya untuk membantu mahkamah membuat keputusan apabila menerima permohonan seseorang untuk keluar daripada agama Islam. Sungguhpun tajuk seksyen 119 EPAINS ialah “tukar agama”, namun hakikatnya bukan semua permohonan yang dibuat adalah untuk keluar Islam, namun merangkumi juga penentuan status agama dan mereka yang didaftarkan sebagai Islam, tetapi tidak pernah kenal agama Islam seperti yang dapat dibuktikan menerusi kajian ini. Oleh itu, disarankan agar prosedur di bawah seksyen 119 EPAINS 2003 yang berkaitan dengan permohonan penentuan status agama harus diwartakan dan diseragamkan di semua negeri memandangkan mahkamah tinggi syariah merupakan satu-satunya institusi yang mempunyai bidang kuasa untuk membuat pengisytiharan tentang kedudukan agama seseorang.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, khususnya YA Tuan Abdul Razak bin Nayan; Pejabat Mufti Negeri Sembilan, khususnya SS Dato’ Mufti dan Dr. Yusri Mazlan, Pegawai Unit Runding Cara Akidah; Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, Puan Ruzita Ramli; Puan Nurul Asyikin Zakaria dari Unit Rekod JKSN, Puan Norfadhilah binti Rosli,

Pegawai Penyelidik Mahkamah Tinggi Syariah dan semua yang membantu kajian lapangan semasa di Seremban.

RUJUKAN

- Helwa Mohammad Zainal dan Jamal Jasri. “Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran” dlm. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 17, hlm. 17–13, 2013.
- Khairulneza Juaher, “Pertukaran Agama Islam Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, Negeri Sembilan Malaysia” dlm. *Vasa*. Fakultas Syariah dan Hukum UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2009.
- Mohamad Azam Mohamed Adil, “Restrictions in Freedom of Religion in Malaysia: A Conceptual Analysis with Special Reference to the Law of Apostasy” dlm. *Muslim World Journal of Human Rights* 4:2, 2007, Article 1 [available at <http://www.bepress.com/mwj>].
- Mohd. al-Adib Samuri dan Muzammil Quraishi, “Negotiating Apostasy: Applying to ‘Leave Islam’ in Malaysia” dlm. *Islam and Christian–Muslim Relations* 25:4, hlm. 507–23, 2014 (doi:10.1080/09596410.2014.907054).
- Nurjaanah Abdullah @ Chew Li Hua, “Legislating Faith in Malaysia.” dlm. *Singapore Journal of Legal Studies*, hlm. 264–89, 2007.
- Pg. Ismail Pg. Musa dan Siti Zubaidah Ismail, “Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah” dlm. *Jurnal Syariah* 23:1, hlm. 53–77, 2015.
- Siti Zubaidah Ismail dan Muhamad Zahiri Awang Mat, “Faith and Freedom: The Qur’anic Notion of Freedom of Religion vs. the Act of Changing Religion and Thoughts on the Implications for Malaysia” dlm. *Religions* 7:7, 8 Julai 2016 (88.doi:10.3390/rel7070088).
- Wan Mohd. Fazrul Azdi, Kamaluddin Nurdin Marjuni, Mohd. Rumaizuddin Musa, Azman Abd. Rahman, Ahmad Najaa’ Mokhtar, Mohd. Zaliridzal Zakaria dan Mohammad Fadzil Mat Yaacob, “Istibat Model for Malaysia: A Preliminary Exposition” dlm. *’Ulum Islamiyyah Journal* 15, hlm. 111–24, Jun 2015.
- Zanariah Dimon dan Zaini Yusnita Mat Jusoh, “Pengesahan

Status Agama di Mahkamah Syariah: Satu Sorotan” dlm. *Ist International Research and Innovation Conference Proceeding (INSAN)*, 2014.

Diperoleh (*Received*): 26 Oktober 2016

Diterima (*Accepted*): 30 November 2016